



# PETA KONSEP

TINGKATAN 5

## Pembentukan Malaysia

### Konsep Gagasan Malaysia

#### Idea Gagasan Malaysia

Konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.

### Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

#### Idea Pegawai British

- Lord Brassey – Mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar.
- Sir Malcolm MacDonald – Mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi.
- Sir Gerald Templer – Meminta penggabungan wilayah ini disegerakan bagi tujuan keselamatan.
- Sir Geofroy Tory – Mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi.

#### Idea penduduk tempatan

- Majalah *Al-Imam* – Menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan.
- Nasionalis Melayu – Memperjuangkan Konsep Melayu Raya.
- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj –
  - 1955 – Mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.
  - 1960 – Memaklumkan kepada Lord Perth bahawa beliau berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura.
- Datu Mustapha Datu Harun – Menyatakan minat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.

### Reaksi Tempatan dan Negara Jiran Terhadap Pembentukan Malaysia

- Terdapat pihak yang menerima baik cadangan pembentukan dan ada juga pihak yang menentang.
- Reaksi tempatan terdiri daripada penduduk dan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.
- Reaksi negara jiran terdiri daripada Indonesia, Filipina dan Thailand.

### Langkah Pembentukan Malaysia

- Mengadakan lawatan ke negeri yang terlibat
- Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
- Referendum Singapura
- Rundingan London
- Suruhanjaya Cobbold
- Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

### Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

- Perjanjian ini juga dikenali sebagai Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63).
- Merupakan sebuah dokumen yang ditandatangani oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.

#### Antara inti pati Perjanjian Malaysia

- Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.
- Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu.
- Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.
- Sarawak dan Sabah diberi kelebihan untuk menubuhkan kabinet negeri.
- Memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.
- Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah 16 kerusi.
- Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

### Konfrontasi dan Usaha Menangani

Dasar konfrontasi terhadap Malaysia diumumkan oleh Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia pada 20 Januari 1963 dengan alasan penubuhan Malaysia mengancam kedudukan Indonesia.

- Pendekatan diplomatik dilaksanakan dalam usaha menangani konfrontasi oleh Malaysia.
- Tanggungjawab menyusun strategi diserahkan kepada Kementerian Luar Negeri yang berperanan untuk mematahkan kempen propaganda dan mendapatkan sokongan negara luar.

Perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia – Malaysia di Jakarta ditandatangani pada 11 Ogos 1966 oleh Tun Abdul Razak Hussein dan Adam Malik yang mengakhiri konfrontasi.